

## **MAJLIS PENYAMPAIAN SURAT TAWARAN BIASISWA NASIONAL 2014**

31/03/2014

DEWAN BANKUET, BANGUNAN IMATEC, INTAN BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Bin Zainal  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia,

Yang Berbahagia Datuk Dr. Madinah Bt Mohamad  
Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia,

YBhg. Datuk Dr. Khair bin Mohamad Yusof  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia,

Pegawai-pegawai Kanan JPA dan KPM,

Wakil-wakil Media,

seterusnya Ibu bapa dan para pelajar sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya kita dapat bersama-sama pada Majlis Penyampaian Biasiswa Nasional tahun 2014 yang penuh bermakna ini. Sesungguhnya penganjuran Majlis ini adalah untuk meraikan serta mengiktiraf kejayaan 50 (lima puluh) pelajar paling cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2013.

2. Majlis ini tentunya amat bersejarah buat saudara dan saudari serta menjadi bukti terhadap komitmen Kerajaan dalam menghargai kejayaan cemerlang yang telah dicapai. Pada hemat saya, kejayaan ini adalah manifestasi daripada kesungguhan dan komitmen yang jitu daripada pelajar, guru-guru dan ibu bapa.

3. Yakinlah bahawa kejayaan ini merupakan titik permulaan kepada satu kembara kehidupan yang amat bermakna dan penganugerahan ini akan menjadi pemangkin kepada kejayaan yang berterusan di masa yang akan datang. We are extremely proud of your excellent achievement. Sekali lagi, syabas dan tahniah.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Untuk mencapai matlamat menjadi high income nation, pembangunan modal insan merupakan instrumen yang sangat penting untuk membangun, menarik minat dan mengekalkan bakat serta individu yang berpengetahuan serta memiliki kemahiran interpersonal yang cemerlang.

5. Pembangunan Modal Insan yang berterusan serta terancang merupakan agenda utama Kerajaan dalam memastikan negara tidak terputus bekalan tenaga sumber manusia yang berpengetahuan serta berkemahiran tinggi. Dengan adanya dasar penajaan dan inisiatif seperti Biasiswa Nasional, ianya akan menghasilkan “pool of talent for the future”.

6. Benjamin Franklin; salah seorang founding fathers Amerika Syarikat pernah berkata: “An investment in knowledge pays the best interest”. Dalam konteks ini, Kerajaan sememangnya sedar mengenai pentingnya usaha-usaha untuk melatih, membangun serta mengekalkan modal insan yang terbaik. Justeru, Program Biasiswa Nasional merupakan satu pelaburan jangka panjang Kerajaan bagi mencapai agenda pembangunan modal insan negara.

7. Program Biasiswa Nasional merupakan satu program yang unik dan berprestij di mana Kerajaan menawarkan penajaan kepada pelajar cemerlang lepasan SPM untuk melanjutkan pengajian ke universiti terkemuka dunia dalam dan luar negara, berdasarkan merit akademik. Dalam hubungan ini, pelajar yang ditawarkan Program Biasiswa Nasional akan ditaja bermula dari peringkat persediaan sehinggalah ke peringkat Ijazah Pertama dalam pelbagai bidang pilihan mereka di universiti terkemuka yang diiktiraf oleh Kerajaan.

8. Biasiswa Nasional bermula dengan penawaran kepada 30 pelajar terbaik SPM tahun 2009 dan Kerajaan kemudiannya menambah bilangan penajaan kepada 50 bagi pelajar SPM 2011 dan ianya kekal sehingga kini. Ini jelas menunjukkan keperihatinan serta tanggungjawab Kerajaan dalam memastikan pembangunan modal insan yang berkualiti terus subur dan relevan dengan kehendak dan keperluan negara. Sesungguhnya matlamat akhir pelaburan yang diusahakan oleh Kerajaan ke atas saudara-saudari adalah untuk melahirkan modal insan terbaik yang dapat menyumbang kepada usaha-usaha Kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang berdaya saing dan kompetitif.

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Sesungguhnya, pemilihan pelajar di bawah Biasiswa Nasional ini adalah berdasarkan kepada pencapaian akademik. Namun begitu, ingin saya tekankan disini bahawa dalam usaha kita untuk membangunkan modal insan yang berkualiti, ianya tidak terhad kepada pencapaian akademik sahaja. Usaha ini harus seiring dengan pembangunan rohani, sahsiah, etika serta integriti. Dalam konteks ini, saudara-saudari semua tidak boleh meminggirkan aspek spiritualiti dan moraliti kerana ianya adalah tunjang kepada elemen ‘keinsanan’ yang holistik.

10. Pada 22 Ogos 2011, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan dua inisiatif utama khusus kepada pemegang biasiswa JPA dimana pada hemat saya, inisiatif tersebut telah memainkan peranan penting dalam agenda pembangunan negara. Dua Inisiatif yang dimaksudkan adalah Talent Acceleration in Public Service (TAPS) dan Scholarship Talent Attraction and Retention (STAR).

11. Kedua-dua inisiatif khas ini telah dirangka untuk menyediakan peluang kepada pelajar tajaan JPA untuk memajukan kerjaya masing-masing dalam bidang-bidang utama menerusi Program Transformasi Kerajaan (PTK) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) terutamanya yang melibatkan 12 bidang di bawah NKEA.

12. TAPS adalah inisiatif bersama antara JPA dengan Razak School of Government (RSOG) bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar cemerlang tajaan JPA untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Menerusi program ini, pelajar cemerlang yang terpilih akan didedahkan dengan dasar awam negara serta diberi peluang untuk mengendalikan projek berkeutamaan tinggi.

13. Inisiatif ini merupakan salah satu usaha Kerajaan untuk melahirkan “a high performing, inclusive and citizen centric civil service”, atau perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, inklusif dan berjiwa rakyat. Ini adalah selari dengan dasar Kerajaan untuk “merakyatkan perkhidmatan awam”.

14. Saya yakin dan percaya bahawa program TAPS akan memenuhi hasrat kerajaan dalam meningkatkan keupayaan dan penyampaian perkhidmatan awam agar lebih dinamik di mana penjawat awam akan mempunyai sikap yang lebih pragmatik, kreatif, inovatif dan produktif.

15. Program STAR pula merupakan inisiatif bersama oleh JPA dan TalentCorp. Objektif program ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar tajaan JPA untuk berkhidmat dengan syarikat GLC dan syarikat swasta yang terpilih. Melalui program ini, pelajar tajaan JPA dibenarkan untuk memindahkan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan kepada syarikat Malaysia yang menyokong Program Transformasi Ekonomi (ETP).

16. Saya difahamkan bahawa sehingga kini terdapat hampir 400 buah syarikat GLC serta swasta dari pelbagai bidang industri telah menyertai program ini, antaranya seperti Petronas, Bank Negara Malaysia, Maxis, Khazanah Nasional dan sebagainya. Mana-mana pelajar tajaan JPA yang tidak ditawarkan untuk berkhidmat dengan Kerajaan selepas menamatkan pengajian adalah layak menyertai program ini.

17. Sesungguhnya TAPS dan STAR merupakan platform dalam usaha memastikan bakat

terbaik tajaan Kerajaan kekal menyumbang khidmat kepada negara. Saya penuh yakin kedua-dua inisiatif ini yang digerakkan oleh Kerajaan dalam membangunkan modal insan akan mencapai matlamatnya.

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

18. Besarlah harapan saya agar penganugerahan Biasiswa Nasional ini akan menjadi pencetus semangat serta ketekunan yang berterusan dalam mengejar impian dan cita-cita saudara-saudari serta pelajar lain di luar sana. Saya juga berharap agar saudara-saudari akan pulang untuk berkhidmat di tanah air setelah menamatkan pengajian kelak, seterusnya menjadi agen kepada misi mentransformasikan Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang maju dan gemilang.

19. Melalui pelajaranlah kita boleh mencorakkan masa hadapan kita, walaupun proses menuju kejayaan itu pasti diselangi dengan cabaran dan dugaan yang getir. Di hadapan anda telahpun terbuka peluang keemasan, maka gunakanlah dengan sebaik-baiknya. Pasti kejayaan mutlak akan menjadi milik saudara-saudari.

20. Akhir kata, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada saudara-saudari penerima Biasiswa Nasional tahun 2014.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warah Matullahi Wabarakatuh.